

MACA bina upaya lawan rasuah

Oleh NIZAM YATIM
(WARTAWAN UTUSAN)

AKADEMI Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) yang terletak di Persiaran Duta, Kuala Lumpur dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi Khamis lalu.

Pelancaran itu merupakan sesuatu yang bersejarah kerana ia menjadikan Malaysia negara pertama di rantau Asia Pasifik yang mempunyai pusat latihan dengan pengkhususan dalam bidang ilmu pencegahan rasuah.

Penubuhan akademi itu juga amat bermakna kepada Perdana Menteri sendiri, kerana beliau yang mencetuskan idea supaya diwujudkan pusat latihan berkenaan.

Idea itu dikemukakannya ketika Mesyuarat Keempat Kumpulan Pemandu Bank Pembangunan Asia (ADB) - Organisasi Pembangunan dan Kerjasama Ekonomi (OECD) Inisiatif Anti Rasuah Bagi Asia dan Pasifik pada tahun 2003.

Sejak beroperasi mulai 1 Disember 2005, ia telah melatih lebih 900 pegawai melibatkan 26 jenis kursus berkaitan perundangan, siasatan, perisikan dan pengurusan pencegahan rasuah.

Ia turut membabitkan kursus-kursus terbaru berkaitan forensik perakaunan, kejuruteraan dan komputer.

MACA kini mempunyai empat sekolah dan dua pusat yang memberikan latihan dalam bidang-bidang khusus.

Ia membabitkan Sekolah Penyiasatan, Sekolah Perisikan, Sekolah Perunda-

ngan dan Pendakwaan serta Sekolah Pencegahan Rasuah dan Pengurusan.

Dua pusat berkenaan pula ialah Pusat Pengajian Antarabangsa serta Pusat Penyelidikan dan Pembangunan.

Abdullah semasa berucap pada majlis pelancaran itu menyifatkan penubuhan akademi berkenaan telah melengkapkan strategi 'serampang tiga mata' kerajaan bagi menangani gejala rasuah.

Strategi pertama dan kedua melibatkan langkah pencegahan dan punitif manakala ketiga ialah pembinaan keupayaan modal insan dengan penubuhan akademi berkenaan.

Selain memberi latihan kepada kakitangan Badan Pencegah Rasuah (BPR), MACA turut berperanan melatih petugas agensi kerajaan lain termasuk polis, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Peguam Negara.

Matlamat

Sejajar dengan matlamat menjadikan ia pusat latihan serantau, MACA turut melatih pegawai penguat kuasa dari Bhutan, Hong Kong, Thailand Singapura, Mongolia, Vietnam dan negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

"Ini adalah salah satu sumbangan Malaysia untuk masyarakat antarabangsa bagi mewujudkan dunia yang harmoni serta bebas daripada rasuah yang merosakkan," tegas Abdullah.

Latihan secara terancang dan bersifat serantau adalah perlu berikutan peng-

gunaan teknologi yang semakin canggih sehingga menyukarkan kegiatan rasuah dikesan. Malah ia juga kini dilakukan tanpa mengenal batasan sempadan negara.

Perkembangan itu, menyebabkan usaha-usaha mengesan dan menyiasat kes-kes rasuah menjadi semakin mencahar dan pegawai-pegawai penyiasat perlu mempunyai kemahiran baru yang mendalam dalam pelbagai bidang.

Bagi memastikan matlamat itu dicapai, MACA telah mendapatkan kerjasama pakar-pakar antarabangsa bagi menggubal kurikulum kursus supaya mematuhi piawaian global.

Langkah itu diperkukuhkan lagi dengan menjemput bekas pegawai BPR untuk menjadi tenaga pengajar di akademi itu.

Tindakan ini, amat dialu-alukan kerana BPR yang ditubuhkan pada 1967 merupakan antara agensi pencegahan rasuah tertua di rantau Asia Pasifik dan dianggap pusat rujukan terbaik dalam usaha pencegahan rasuah.

Langkah itu juga membolehkan pengalaman yang diperoleh selama puluhan tahun oleh bekas pegawai berkenaan tidak hilang begitu sahaja sebaliknya dikongsikan dengan pegawai-pegawai muda.

Komitmen MACA bagi memberi latihan terbaik dimantapkan lagi dengan langkah mewujudkan usaha sama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi menawarkan kursus Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) secara sambilan.

Ini diperkukuhkan lagi dengan cadangan memperkenalkan kursus sepenuh masa Sarjana Sains (Pengurusan Rasuah dan Penipuan) selama 18 bulan dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM).

Bagi memastikan MACA dapat melaksanakan peranan secara berkesan, sebanyak RM40 juta telah diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi pembinaan kuarters pegawai, asrama, auditorium, surau dan kemudahan sukan.

Ia sebagai peruntukan tambahan kepada RM24.9 juta yang telah dibelanjakan sebelum ini bagi mengubah suai bekas Ibu Pejabat BPR sebagai pusat latihan berkenaan.

Kemudahan lain yang telah sedia ada ialah 13 dewan kuliah, 37 bilik perbincangan kumpulan, dewan serba guna yang boleh memuatkan 150 orang, dua makmal komputer, perpustakaan, dewan makan dan mahkamah mut.

Dalam pada itu, sokongan rakyat secara aktif adalah penting bagi memastikan MACA dapat melaksanakan amanah yang diberikan dengan lebih berkesan.

Ini ditegas sendiri oleh Perdana Menteri yang menyebut: "Walaupun institusi ini menjadi teras, tiada sesiapa seharusnya berada dalam ilusi bahawa ia secara bersendirian boleh menang melawan rasuah."

Tambah Abdullah, musuh paling utama yang boleh menjejaskan usaha kerajaan itu ialah sikap orang ramai yang bersikap endah tidak endah terhadap perbuatan rasuah.

Um - 14/4/2007